

Headline	TH catat untung tertinggi tahun lalu		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	15 Mar 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	13	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	201 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,973
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,918



## TH catat untung tertinggi tahun lalu

KUALA LUMPUR 14 Mac

- Meskipun menerima 'teguran' daripada Bank Negara Malaysia (BNM) sebelum ini, kedudukan kewangan Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) bagi tahun 2015 terus kukuh dengan mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM3.53 bilion.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, jumlah itu juga merupakan yang tertinggi sejak Tabung Haji ditubuhkan pada 1963.

Selain itu, kata Jamil Khir, sekiranya dibandingkan pula pembayaran bonus dengan tahun antara 1994 hingga 1999, tahun 2015 mencatatkan jumlah yang lebih tinggi iaitu RM3.2 bilion berbanding purata RM550 juta dalam tempoh lima tahun berkenaan.

"Dimaklumkan juga nilai portfolio Aset Boleh Direalisasi Tabung Haji pada 31 Disember 2015 adalah melebihi RM60 bilion manakala dana pendeposit pula sebanyak RM59.3 bilion. Ini jelas membuktikan



JAMIL KHIR BAHAROM

kan nilai aset Tabung Haji berada pada tahap yang lebih tinggi berbanding liabilitinya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan lisan Lim Guan Eng (DAP-Bagan) mengenai status aset dan liabiliti terkini institusi-institusi kewangan syarikat milik kerajaan (GLC) berikutan pendedahan BNM bahawa Tabung Haji tidak mempunyai aset yang mencukupi berbanding tanggungan liabiliti dalam sidang Dewan Rakyat hari ini.

Mengulas lanjut, Jamil Khir menjelaskan bahawa penyata kewangan Tabung Haji diaudit oleh Jabatan Audit Negara sejak ditubuhkan 53 tahun lalu dengan setiap penyata serta laporan tahunan organisasi itu juga dibentangkan di Mesyuarat Parlimen.

Katanya, penyediaan penyata kewangan tersebut mematuhi piawaian perakaunan yang diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) yang diselaras menurut prinsip syariah.

"Ketua Audit Negara pada 3 Februari lalu telah memperakui polisi perakaunan yang diguna pakai oleh Tabung Haji adalah konsisten serta mematuhi konsep berhemah.

"Ini jelas menunjukkan Tabung Haji telah mempraktikkan tatacara penyediaan penyata kewangan yang baik serta mengikut standard pengauditan awam yang ditetapkan," jelas beliau.

Dalam pada itu, Jamil Khir memberitahu, berikutan penyebaran surat BNM tersebut melalui media termasuk media sosial, Tabung Haji telah dilemparkan dengan pelbagai tuduhan rambang, analisis 'separuh masak' serta andaian negatif sehingga menjadikan imej dan reputasi organisasi itu sebagai pengurus haji dan dana Islam cemerlang di negara ini.

"Terdapat sebahagian daripada pendeposit Tabung Haji yang percaya dengan fitnah-fitnah tersebut sehingga mengeluarkan wang mereka dalam simpanan Tabung Haji.

"Mereka ini telah menjadi mangsa hasutan daripada fitnah tersebut dan ada dalam kalangan pendeposit kehilangan peluang menikmati bonus yang telah diumumkan," ujar beliau.